

30/06/2002

Cerita rumah banglo Siti

Hanizam

MINTA maaflah kalau sekali lagi teman hendak bercerita mengenai Siti Nurhaliza. Teman tahu tak semua suka apabila orang surat khabar asyik bercakap mengenai Siti saja. Hendak buat macam mana kerana Siti masih mampu meraih tumpuan dan apa saja yang berlaku dalam kehidupannya sentiasa menjadi berita. Lalu, terkeluarlah cerita betapa Siti membina sebuah banglo bernilai RM600,000 khas untuk ibu bapanya di Lipis.

Sebenarnya teman tumpang bangga dengan cerita sebegitu. Maklumlah, setelah berjaya meletakkan namanya di persada seni tanah air dan menjadi antara artis yang popular serta difahamkan memperoleh pendapatan yang agak lumayan juga, maka tibalah masanya untuk membalas jasa ibu bapa. Tak sia-sia Siti menjadi penyanyi. Orang kata, sejuk perut ibu yang melahirkannya.

Tetapi teman lebih terkejut apabila mendapat tahu reaksi sebenar Siti dengan cerita seperti itu. Biasanya, artis yang memiliki rumah yang layak untuk masuk majalah hiasan dalaman tidak keberatan berbuat demikian. Itulah yang kita sangka selama ini tetapi rupa-rupanya ia tidak disenangi Siti.

Keluh-kesah Siti yang ketika itu baru saja balik dari Jakarta disampaikan kakak iparnya, Rozi. Khabarnya, bintang paling popular itu sedih apabila mendapat tahu bahawa kisah rumah banglo yang masih dalam pembinaan itu sudah terkeluar dalam sebuah majalah hiburan.

"Bukan apa kak, Siti tak mahu orang kata dia ni riak. Cerita begini juga tidak disenangi ibu Siti. Kasihan orang tua tu. Memang tak senang duduk satu keluarga apabila cerita itu keluar. Maklumlah, kita tak mahu orang kampung atau sesiapa saja menganggap keluarga kami cuba menunjuk-nunjuk," kata Rozi.

Tetapi teman berpendapat tiada salahnya cerita sebegitu dikongsi bersama pembaca, apatah lagi ia tidak keluar daripada mulut Siti sendiri. Maksudnya, bukanlah Siti atau ahli keluarganya yang bercerita mengenai rumah mewah itu. Tetapi itulah Siti yang memang seorang yang humble, tidak meninggi diri dan mudah didekati. Sesiapa saja akan berasa senang dengan Siti.

Melihat Siti yang kini berambut pendek dan bergaya ringkas petang itu - tiada pakaian Michael Ong tetapi hanya berseluar jeans dan kemeja-T serta menggalas beg sandang Loius Vuitton sambil memegang botol air mineral dan percayalah bahawa Siti tampak lebih jelita tanpa sebarang solekan - sukar mempercayai bahawa gadis yang nampak malu-malu itu sebenarnya sudah pergi jauh dan masih mampu pergi jauh di bidang seni suara.

Lalu apa yang berada di kotak fikiran teman dilontarkan kepadanya, "Bila Siti nak berhenti menyanyi?"

"Entahlah Kak, sebenarnya menyanyi ni dah jadi darah daging Siti. Tak tahu bila nak berhenti. Kalau boleh sampai bila-bila pun Siti nak menyanyi. Macam Kak Yusni Hamid tu... kalau boleh Siti nak jadi macam dia. Walau pun kurang publisiti tetapi dia masih lagi menyanyi. Masih lagi banyak menerima tawaran untuk membuat persembahan," spontan jawab Siti.

Entah macam mana pula, perbualan beralih ke soal semasa. Apa lagi kalau bukan mengenai Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat kenyataan gempar mengenai peletakan jawatannya dalam ucapan penggulungan di Perhimpunan Umno yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) minggu lalu.

"Siti terperanjat besar. Ketika mendengar ucapan PM tu, Siti sedang baring-baring. Tiba-tiba PM umum nak letak jawatan. Siti ingat tersalah

dengar lalu Siti terus bangun dan kuatkan TV. Macam tak percaya," katanya.

"Menangis?" tanya teman.

"Menangis Kak... sedih! Siapa tak sedih...," katanya sambil berlari anak masuk ke dalam studio kerana siapa lagi kalau tidak penyanyi yang semakin menyerlah.... Ratu Soul Ning Baizura sudah menunggu untuk meneruskan latihan.

Sebenarnya petang itu teman berpeluang menjenguk Siti dan Ning berlatih di sebuah studio di Petaling Jaya untuk Malam Amal Sentuhan Kasih Karyawan anjuran Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan). Abang Mad (Ahmad) Jais pun ada.

Seronok melihat kemesraan Ning dan Siti. Pendek kata di antara mereka memang ada chemistry. Di akhir latihan itu, Ning menandatangani autograf untuk Siti dan Siti pula minta autograf Ning. Rupa-rupanya selama ini mereka saling menghormati, meminati dan saling mengagumi antara satu sama lain. Begitulah hendaknya berlaku di kalangan penyanyi kita. Tiada cemburu, tiada dengki dan tiada iri hati. Doa teman mengiringi kedua-dua penyanyi yang memang teman minati. Ya... mereka akan terbang tinggi!

(END)